

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat 27 Oktober 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, SEPTEMBER 2023

Indeks nilai seunit eksport dan import masing-masing meningkat 1.6 peratus dan 1.5 peratus pada September 2023.

PUTRAJAYA, 27 OKTOBER 2023 – Harga eksport Malaysia pada September 2023, meningkat 1.6 peratus daripada 142.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 144.6 mata. Begitu juga, harga import turut naik 1.5 peratus daripada 128.8 mata kepada 130.7 mata dan terma perdagangan Malaysia pula berkembang 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 110.6 mata pada September 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), September 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks nilai seunit eksport meningkat 1.6 peratus pada September 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+3.6%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.6%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.0%). Pada masa yang sama, indeks volum eksport turut menokok 6.5 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan peningkatan indeks alat jentera &

kelengkapan pengangkutan (+21.3%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+7.0%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+2.7%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim jatuh 4.1 peratus daripada 161.1 mata kepada 154.5 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing menurun 3.5 peratus dan 10.6 peratus.


Indeks nilai seunit import naik 1.5 peratus pada September 2023, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+5.8%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.3%) dan bahan kimia (+0.3%). Sementara itu, indeks volum import merosot 1.3 peratus pada September 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kemerosotan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-46.8%) dan minyak galian (-6.0%). Indeks volum import pelarasan bermusim bertambah 2.6 peratus daripada 170.4 mata kepada 174.8 mata. Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan indeks nilai seunit import dan indeks volum masing-masing berkurang 1.4 peratus dan 11.5 peratus.”

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 110.6 mata pada September 2023, didorong oleh peningkatan indeks pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%), bahan kimia (+0.8%) dan makanan (+0.2%). Walau bagaimanapun, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun susut 2.1 peratus daripada 113.0 mata pada September tahun lalu.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2021 – September 2023**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 OKTOBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, October 27th 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, SEPTEMBER 2023**

***Exports and imports unit value indices increased by 1.6 per cent and 1.5 per cent
in September 2023, respectively.***

PUTRAJAYA, OCTOBER 27, 2023 – Malaysia's export prices in September 2023 rose by 1.6 per cent from 142.3 points in the previous month to 144.6 points. Similarly, import prices increased by 1.5 per cent from 128.8 points to 130.7 points, and Malaysia's terms of trade grew 0.1 per cent month-on-month to 110.6 points in September 2023 as reported today in ***EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), September 2023***. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index went up by 1.6 per cent in September 2023 as compared to the previous month, led by the increase in the index of mineral fuels (+3.6%), animal & vegetable oils & fats (+2.6%) and machinery & transport equipment (+1.0%). Likewise, the export volume index rose by 6.5 per cent in the same month, in line with the increase in the index of machinery & transport equipment (+21.3%), animal & vegetable oils & fats (+7.0%) and miscellaneous manufactured articles (+2.7%). The seasonally adjusted export volume index slipped

by 4.1 per cent from 161.1 points to 154.5 points. Referring to the annual comparison, the unit value and volume indices decreased by 3.5 per cent and 10.6 per cent, respectively.

The import unit value index also grew by 1.5 per cent in September 2023, contributed by the rise in the index of mineral fuels (+5.8%), machinery & transport equipment (+1.3%) and chemicals (+0.3%). Meanwhile, the import volume index went down 1.3 per cent in September 2023 as compared to the previous month, attributed to the deterioration in the index of animal & vegetable oils & fats (-46.8%) and mineral fuels (-6.0%). The seasonally adjusted import volume index increased 2.6 per cent from 170.4 points to 174.8 points. Year-on-year comparison showed that the import unit value and volume indices decreased by 1.4 per cent and 11.5 per cent, respectively."

Besides that, Malaysia's terms of trade expanded by 0.1 per cent month-on-month to 110.6 points in September 2023, driven by the growth in the index of miscellaneous manufactured articles (+0.8%), chemicals (+0.8%) and food (+0.2%). However, Malaysia's terms of trade shrank by 2.1 per cent year-on-year from 113.0 points in September of the previous year.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2021 – September 2023

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
27 OCTOBER 2023